



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**PENGUJIAN DAN PENCAPAN TAHUNAN ALAT MENIMBANG SAPI DAN
DAGING SEJUK BEKU BAGI SYARIKAT PDS ABATTOIR SDN BHD**

1. Pada 27 Jun 2024, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan dan pengujian bacaan ketepatan ke atas satu (1) unit alat timbangan jenis *platform scale* dan lima (5) unit alat timbangan jenis neraca elektronik yang digunakan untuk menimbang sapi dan daging sejuk beku milik Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd yang bertempat di Lot. 2 dan 3 Tapak Perusahaan *Feedlot*, Kawasan Pertanian, Kampong Batang Mitus, Mukim Kiudang, Daerah Tutong.
2. Hasil daripada pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan alat sukat dan timbang berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3 (1) dan (2).
3. Seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.

Hukuman denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama 3 bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu adalah boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.

4. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, pihak syarikat dan orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian 233 4092.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan: (056) KKW/SDT/ENF/04

Tarikh: 28 Zulhijjah 1445 / 04hb Julai 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**ANNUAL VERIFICATION AND REGISTRATION ON CATTLE AND FROZEN MEAT
WEIGHING SCALE FOR PDS ABATTOIR SDN BHD**

1. On 27 June 2024, Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) under the Ministry of Finance and Economy conducted an inspection and accuracy reading on one (1) unit of platform scale and five (5) units of electronic balance machines used to weigh cattle and frozen meat owned by Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd located at Lot. 2 and 3 Feedlot Industrial Site, Kampong Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong District.
2. The weighing machines were verified as being accurate, valid and registered in accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 dan Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2).
3. As stipulated in the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under section 3 (2); Every person who uses or has in his possession for use for trade any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence. The penalty for such offence is a fine of BND1,000.00 or imprisonment for three (3) months or both and instrument for weighing shall be liable to be forfeited and any contract, bargain, sale or dealing made by such weight, measure or instrument for Weighing shall be void.
4. For any enquiries, companies and public may contact SDT Unit, MOFE via email: sdt@mofe.gov.bn.

-END-

Prepared by:
Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),
Ministry of Finance and Economy.
E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference: (056) KKW/SDT/ENF/04
Date: 28 Zulhijjah 1445 / 4th July 2024

PENGUJIAN DAN PENCAPAN TAHUNAN ALAT MENIMBANG SAPI DAN DAGING SEJUK BEJUK BAGI SYARIKAT PDS ABATTOIR SDN BHD

